

19/07/1999

Pmuda pastikan BN dapat sokongan padu

Norazmi Abdul Talib

MASJID TANAH, Ahad - Pemuda Barisan Nasional (BN) akan membincangkan mekanisme bagi memastikan semua pengundi termasuk masyarakat Cina, memberi sokongan padu kepada BN serta tidak lagi mengamalkan sikap menseimbangkan kekuatan antara pembangkang dan kerajaan.

Perkara itu antara agenda yang akan dibincangkan dalam konvensyen Pemuda BN di Sabah, Ogos ini.

Pengerusi Pemuda BN, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, berkata Pemuda BN akan mencari mekanisme untuk menggembelngkan semangat baru ke arah kejayaan membantu parti induk dalam pilihan raya akan datang.

"Ini selaras dengan kedudukan kepemimpinan BN yang begitu rasional tanpa mengira kaum dan agama tetapi memahami kepentingan masa depan bersama," katanya selepas Ketua Menteri, Datuk Seri Abu Zahar Isnin, melancarkan pasukan gerak gempur Pemuda Umno Melaka yang disertai lebih 1,500 anggota di sini, hari ini.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, masyarakat Cina tidak perlu cuba menseimbangkan kekuatan di antara parti pembangkang dan kerajaan, sebaliknya harus memberi sokongan padu kepada BN.

Dr Mahathir berkata, tindakan itu mungkin menyebabkan terlampau ketidakseimbangan dan akhirnya BN gagal mendapat majoriti dua pertiga kerana gara-gara sebilangan kecil orang Cina suka memberi tempat kepada pembangkang konon untuk menseimbangkan kekuatan politik.

Hishammuddin berkata, Pemuda Umno akan berusaha mengurangkan sikap sebilangan pengundi yang suka meseimbangkan kedudukan pembangkang dan kerajaan dalam pilihan raya akan datang.

Katanya, pengundi wajar memberi sokongan berterusan kepada BN jika menghargai keharmonian dan kestabilan berbanding parti pembangkang tidak menjurus perpaduan tetapi perpecahan.

Serentak itu, katanya, konvensyen Pemuda BN di Sabah akan juga menunjukkan kepada dunia bahawa konsep BN bukan sementara tetapi kekal sehingga dihargai semua kaum termasuk kepemimpinan Pemuda.

Katanya, perjuangan BN bukan untuk individu dan politik tertentu tetapi semua rakyat Malaysia.

"Ini adalah wawasan kita dan adalah lebih baik daripada mempersendakan orang lain yang tidak berdosa," katanya.

Mengenai Ketua Pemuda baru MCA serta Gerakan iaitu Datuk Ong Tee Keat serta Teng Chang Yeow, Hishammuddin yang juga Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda Umno, berkata pemimpin itu yang memang sudah dikenalnya, akan memberi semangat serta komitmen baru kepada kepemimpinan Pemuda BN.

"Sejak pegang jawatan Pemuda, saya akan terus menekankan hubungan secara peribadi setiap orang," katanya.

Terdahulu, Ketua Pemuda Umno Melaka, Nazari Adzim, mengetuai ikrar Pemuda Umno negeri terhadap kesetiaan kepada kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Presiden Umno serta Datuk Seri Abu Zahar Isnin sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno Melaka.

Pemuda Umno Melaka berikrar setia kepada perjuangan Umno dan akan menjaga parti sebaik mungkin supaya sentiasa menjadi teras kepada kerajaan.

Oleh itu, kata Nazari, Pemuda Umno Melaka akan mempertahankan keunggulan Umno sebagai tunggal kerajaan daripada ancaman musuh, mempertahankan kesucian agama daripada diperalatkan untuk kepentingan politik sempit dan

bekerja kuat meletakkan kepentingan parti mengatasi lain supaya perjuangan Umno terus diberi mandat oleh rakyat dalam pilihan raya akan datang.

(END)